



Terajui pasaran gula

■ FGV bina kilang penapis ketiga dengan kos RM1 bilion

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap

Sebuah kilang penapis gula milik MSM Holdings Bhd (MSM), anak syarikat FELDA Global Ventures (FGV) Holdings akan dibina pada Februari tahun depan dengan kos RM1 bilion.

Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata, kilang berkenaan dibina atas tanah seluas 20 hektar di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor dan kilang ketiga selepas MSM Prai, Pulang Pinang dan MSM Perlis.

Beliau berkata, pembinaan kilang yang dijangka siap pada 2017 itu membolehkan MSM menerajui pasaran gula tempatan dengan sasaran pengeluaran sebanyak 2.2 juta tan gula bertapis setahun, berbanding 1.1 juta tan, sebelum ini.

"Ini membolehkan MSM meningkatkan kapasiti pengeluaran tahunan gula bertapis sekali gus mengukuhkan kedudukan MSM untuk menerajui pasaran hadapan pengeluaran bahan utama makanan berkenaan.

"Kira-kira 60 peratus gula yang dihasilkan kilang itu akan dieksport ke luar negara manakala selebihnya untuk pasaran tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Perasmian Dewan Terbuka Kampung Panchor dan Majlis Graduasi Mini Tabika KEMAS/JAKOA, di sini, kel-

“ Ini sekali gus mengukuhkan kedudukan MSM untuk menerajui pasaran hadapan pengeluaran bahan utama makanan berkenaan ”
Mohd Isa Abdul Samad

marin.

Hadir sama Pegawai JAKOA daerah Jempol, Khairul Anuar Abu Khamis dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) John Baharyn Ayom.

Mohd Isa yang juga Ahli Parlimen Jempol berkata, pembinaan kilang penapis gula yang terbesar di Malaysia itu memerlukan kira-kira 200 tenaga kerja dengan memberi keutamaan kepada penduduk tempatan.

Katanya, MSM berhasrat untuk berada di kedudukan terbaik sebagai pemain utama pengeluar gula di negara ini dan Asia Tenggara.

Pada Ogos lalu, perjanjian pembinaan reka bentuk dan pemerolehan kejuruteraan (EPCC) kilang ketiga MSM itu dimeterai antara MSM dan Sharkara International (FZC), syarikat bersekutu Sutech Engineering Co Ltd dari Thailand membabitkan kontrak AS97.5 juta (RM408.5 juta).

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

